

TPB2030 agenda kerajaan perkasa bumiputera

UM- 7/12/2021 mld: 3

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) yang menggariskan enam sasaran untuk dicapai menjelang 2030 adalah hala tuju yang bakal menjadi rujukan bagi mencapai agenda pemerkasaan bumiputera.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, enam sasaran tersebut bakal berperanan memastikan kesinambungan pelbagai rancangan bumiputera terdahulu dengan penyesuaian mengikut keadaan semasa.

“TPB2030 menggariskan strategi jelas melalui program pembangunan dan inisiatif diselaraskan bersama Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan didukung bersama Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) serta terangkum dalam konteks Keluarga Malaysia.

“Secara amnya TPB2030 mengenal pasti enam sasaran utama untuk dicapai menjelang 2030. Sasaran ini bakal dicapai melalui tujuh aktiviti pertumbuhan ekonomi utama (KEGA) yang terdiri daripada pertanian dan komoditi, ekonomi digital, halal dan makanan, kewangan



KETUA Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Suriani Ahmad menyerahkan dokumen perjanjian persefahaman kepada Md. Silmi Abdul Rahman dengan disaksikan Ismail Sabri Yaakob pada Majlis Pelancaran Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur semalam. - UTUSAN/SHIDDIEQIIN ZON

Islam 2.0, pengangkutan dan mobiliti lestari, pembuatan dan pelancongan,” kata beliau dalam Majlis Pelancaran TPB2030 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini semalam.

Hadir sama Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar serta Ketua Pegawai Eksekutif Teraju, Md. Silmi Abd. Rahman.

Ismail Sabri berkata, masyarakat bumiputera perlu dibantu cara baharu dan lebih berstruktur di seluruh negara termasuk golongan bumiputera minoriti dengan memastikan tiada yang dibiarkan.

Sehubungan itu, kata beliau, pendekatan TPB2030 mestilah sesuai dengan abad ke-21 agar pelaksanaannya tidak

sekali lagi gah dalam ucapan dan pelan di atas kertas, tetapi tidak dapat direalisasikan kerana keberhasilan yang benar mengubah nasib bumiputera.

“Semua mesti mengambil iktibar daripada program-program sebelum ini namun gagal mencapai objektif asal,” kata beliau.